

18/03/1997

Laluan baru KTM jika ekonomi pesat

Shariffudin Mohamed; Noorwati Salleh; Sariha Mohd Ali  
KUANTAN, Isnin - Kerajaan hanya menyediakan laluan baru perkhidmatan kereta api menghubungkan Pantai Barat dan Timur Semenanjung jika pembangunan di Pantai Timur pesat serta memerlukan pengangkutan barangan dan penumpang.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagaimanapun berkata, laluan kereta api khusus bagi menghubungkan Kuantan dengan Kertih di Terengganu, untuk mengangkut barangan mentah bagi keperluan industri dan penumpang, akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Menurut Perdana Menteri, Petronas dan KTM Berhad akan membincangkan urusan berkaitan pelaksanaan projek itu, yang dianggap penting bagi mengangkut bahan mentah untuk keperluan industri petrokimia, selain mengatasi kesesakan lalu lintas dan menjamin keselamatan pengguna jalan raya.

"Kerajaan juga berharap dalam jangka panjang, KTM Berhad akan mewujudkan laluan baru dari Pantai Barat ke Pantai Timur Semenanjung. Kita akan membuat kajian dahulu dan Petronas juga akan membincang mengenainya dengan KTM Berhad.

"Adalah baik jika KTM Berhad terbabit dengan projek itu. Dalam tempoh jangka panjang, laluan kereta api menghubungkan Pantai Barat dan Timur Semenanjung adalah perlu, jika pembangunan di Pahang, Terengganu dan Kelantan semakin pesat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan serentak kilang Grace Packaging (M) Sdn Bhd dan Grace Specialty Chemical (M) Sdn Bhd, milik kumpulan W R Grace & Co (W R Grace) dari Amerika Syarikat di kawasan perindustrian Gebeng, hari ini.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abd Razak, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dan Pengerusi W R Grace & Co, Albert J Costello.

Perdana Menteri juga berpendapat, tumpuan Kerajaan Pahang kepada industri besar adalah bertepatan dengan kehendak pelabur yang memerlukan kawasan luas untuk menjalankan kegiatan mereka.

"Pahang kerana mempunyai tanah yang luas serta berdekatan dengan laut. Faktor itu amat sesuai untuk menarik lebih ramai pelabur asing ke Pahang," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Pahang berjaya menarik pelaburan asing dengan banyak dan membantu menjayakan hasrat untuk membangunkan koridor timur yang merangkumi Pahang, Terengganu, Kelantan dan sebahagian Johor.

(END)